

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1994/95**

**APRIL 1995**

**RAK 551 - Amalan Profesional Seni Bina**

**Masa : 3 jam**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

1. Dalam usaha untuk memasarkan perkhidmatan dan mempromosikan firma seni bina, seseorang arkitek tidak boleh melanggar 'Code of Professional Conduct'. Bincangkan 10 strategi pemasaran yang boleh dilaksanakan.

( 25 markah )

2. (a) Anda baru sahaja memperolehi Ijazah Sarjana Muda Seni Bina dari USM. Bincangkan pilihan-pilihan praktis seni bina yang boleh anda lakukan.

( 15 markah )

- (b) Selain daripada pilihan-pilihan di atas anda juga boleh menceburi bidang-bidang lain yang berkaitan dengan seni bina. Bincangkan.

( 10 markah )

( 25 markah )

3. "Tragedi Highland Tower dan keruntuhan Kolej Bandar Utama Damansara boleh dielakkan".

Bincangkan kenyataan di atas dengan berpandukan kepada Akta-Akta dan Perundangan Kawalan Bangunan.

( 25 markah )

...2/-

4. (a) Arkitek di bawah "Clause 23 PAM Form of Contract" boleh memberikan lanjutan masa di atas sebab-sebab tertentu. Semasa melakukannya, Arkitek mesti menilai dan menetapkan dengan kepastian sama ada telah berlakunya kelambatan yang memberi hak kepada kontraktor untuk mendapatkan lanjutan masa.

Senarai dan huraikan cara-cara bagaimana kelambatan projek dapat diawasi dan dinilai untuk pemberian lanjutan masa.

( 15 markah )

- (b) Huraikan:

- (i) Sijil Menduduki Sementara (Temporary Certificate of Fitness)
- (ii) Sijil Menduduki Sebahagian (Partial Certificate of Fitness)
- (iii) Sijil Menduduki Akhir (Final Certificate of Fitness)

(10 markah )

( 25 markah )

5. (a) Bincangkan langkah-langkah yang boleh diambil untuk menyelesaikan sebarang perselisihan faham (dispute) dalam pentadbiran kontrak. Perbincangan seharusnya merangkumi kebaikan dan keburukan setiap langkah-langkah tersebut.

( 18 markah )

- (b) Apakah faktor-faktor atau sebab-sebab yang membolehkan penolakan perlantikan seseorang penimbangtara (Arbitrator).

( 7 markah )

( 25 markah )

6. (a) Jelaskan sifat-sifat ketara (salient features) di dalam Yuran Skala Minima Peraturan Arkitek 1986 yang menentukan yuran dan ganjaran yang diterima oleh Arkitek untuk perkhidmatan profesionalnya.

( 15 markah )

- (b) Bincangkan kebaikan dan keburukan Yuran Skala Minima terhadap praktis profesional.

( 10 markah )

( 25 markah )

oooOOooo